

PM seru golongan muda bersama majukan Negara
Utusan Online
28 Januari, 2013

KUALA LUMPUR 28 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru golongan muda agar menyumbang bersama-sama dengan kerajaan dalam memastikan visi menjadikan Malaysia maju pada 2020 menjadi kenyataan sekaligus memberi nikmat kepada semua pihak.

Menurut beliau, kerajaan meyakini kebolehan golongan muda dalam mengemukakan idea-idea baru yang boleh diimplementasi sebagai dasar dan bagi tujuan itu pelbagai platform telah disediakan sebagai tanda golongan itu tidak pernah diketepikan.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika merasmikan "Youth Defined 2: Youth Action Forum" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130128/dn_29/PM-seru-golongan-muda-bersama-majukan-negara